



ARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUAABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIISNIN: 21 JUN 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALANNO. 11 HINGGA 61)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO. SOALAN : 4fr

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TAN AH ENG [GELANG PAT AH]
TARIKH : 21 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk membangunkan Iskandar Malaysia memandangkan pembangunan infrastruktur tidak seimbang dengan penyertaan pelabur asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaburan Kerajaan di Iskandar Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dalam pembangunan infrastruktur berjumlah RM6.28 billion. Pembangunan infrastruktur utama yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan lebuhraya, persimpangan bertingkat, menaik taraf jalan, meningkatkan sistem pengangkutan awam, meningkatkan sistem saliran dan beberapa kemudahan utiliti yang lain. Di samping itu, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia juga melabur yang dianggarkan RM2.9 billion untuk membangunkan infrastruktur bekalan elektrik dan talian komunikasi termasuk *high speed broadband* di Iskandar Malaysia, menjadikan keseruan pelaburan Kerajaan dan GLC berjumlah RM9.18 billion.

Sehingga April 2010, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan komited tempatan dan asing berjumlah **RM60.18 billion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM26.96 billion** adalah merupakan pelaburan asing. Ini menunjukkan penglibatan Kerajaan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang dianggarkan **15%** daripada keseluruhan jumlah pelaburan telah berjaya dalam menarik pelaburan asing ke Iskandar Malaysia.

Di samping itu, bagi merancakkan lagi pelaburan asing untuk melabur di Iskandar

Malaysia, Kerajaan menawarkan pelbagai insentif atau galakan pelaburan kepada pelabur tempatan dan asing yang berminat. Sebagai contoh, antara insentif fiskal yang ditawarkan adalah seperti dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990. Akta berkenaan merangkumi pelaburan dalam sektor pengilangan, pertanian, pelancongan dan sektor perkhidmatan termasuklah aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pendidikan dan latihan, perkhidmatan kesihatan, logistik serta teknologi hijau dan aeroangkasa.

IRDA selaku agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memudah cara pelaburan ke Iskandar Malaysia juga berperanan sebagai pusat sehenti kepada pelabur tempatan dan luar negara. Pakej Insentif Sokongan (ISP) yang dilaksanakan telahpun dimanfaatkan kepada pemaju, pengurus pembangunan dan pengusaha perniagaan yang terlibat dalam enam sektor perkhidmatan utama iaitu industri kreatif, pendidikan, perkhidmatan perunding dan nasihat kewangan, kesihatan, logistik dan pelancongan.

NO 12-

	<u>PEMBERITAH</u>
	<u>U</u>
	<u>PERTANYAA</u>
	<u>N</u>
PERTANYAAN	DEWAN
DARIPADA	NEGARA
	YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
	SANTIAGO
KAWASAN	KLANG
TARIKH	21.6.2010 (ISNIN)
NO. SOALAN	<i>m ~X</i>

YB. Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago (Klang) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dengan perjumpaan Malaysia dan Suruhanjaya Eropah untuk kali kedua untuk memutuskan hala tuju perundingan Malaysia-EU FTA. Apakah ini bererti bahawa Kerajaan sedia menawarkan perolehan Kerajaan dan hak harta intelektual, sebagaimana yang diminta oleh Suruhanjaya Eropah semasa rundingan EU-ASEAN FTA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia masih dalam proses mengkaji kesediaan Malaysia untuk melibatkan diri dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free*

Trade Agreement - FTA) dengan Kesatuan Eropah (*European Union* - EU). Walau bagaimanapun, memandangkan Kesatuan Eropah merupakan rakan dagang Malaysia yang penting serta salah satu sumber bagi pelaburan asing, Malaysia menganggap FTA dengan EU adalah satu langkah yang baik. Walaupun proses ini masih diperingkat awal, sesi perjumpaan di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah ini merupakan peluang yang baik untuk meneliti kesediaan Malaysia secara lebih mendalam. Perjumpaan dengan Kesatuan Eropah kali ini hanya akan membincangkan skop dan komitmen yang diharapkan oleh pihak EU dan kesediaan Malaysia untuk menerimanya.

Namun demikian, ingin dimaklumkan bahawa terdapat banyak perubahan yang telah berlaku dari masa Malaysia terlibat dalam rundingan FTA ASEAN-EU sehingga kini. Malaysia kini mempunyai sistem perlindungan hak harta intelek yang bertaraf dunia sementara bagi Dasar Persaingan ianya boleh dirundingkan, *negotiable*, dengan izin, memandangkan undang-undang mengenainya iaitu Bil Persaingan Negara telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat and Dewan Negara. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan sedang mengkaji semula untuk memastikan terdapat lebih ketelusan dalam mekanisme perolehan kerajaan dan manfaat dicapai oleh golongan-golongan sasaran.

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah tidak dijangkakan rundingan FTA Malaysia-EU sekiranya dilaksanakan akan menjadi serumit seperti rundingan FTA ASEAN-EU namun begitu, pihak Kerajaan akan memastikan sebarang keputusan yang dibuat di dalam rundingan adalah berdasarkan kepentingan negara dan dasar dan kepentingan negara akan dipelihara.

NO SOALAN : 13

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN
DEWAN

LISAN

DARIPADA

Y.B DATUK DR TEKHEE @
TIKI ANAK LAFE (MAS
GADING)

TARIKH

21.06.2010

(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan skim pencen untuk bekas tentera yang telah berkhidmat selama 10, 15 atau 18 tahun, seperti mana yang diumumkan oleh YB. Menteri beberapa bulan yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah mengkaji cadangan untuk memberi pencen kepada Veteran ATM yang berkhidmat selama 10, 15 dan 18 tahun seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Pertahanan. Oleh kerana isu pencen melibatkan perkara-perkara dasar yang menyentuh syarat-syarat perkhidmatan asas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedia ada, maka skim pencen yang dicadangkan untuk bekas tentera yang berkhidmat melebihi 10 tahun tetapi kurang 21 tahun perlu dihalusi lagi. Ini kerana ianya selain mempunyai implikasi kewangan yang besar

untuk ditanggung oleh wang awam dan yang lebih signifikan lagi adalah kesan kepada mereka yang sedang berkhidmat dalam ATM. Kementerian Pertahanan masih lagi menghalusi cadangan skim pencen ini dari pelbagai sudut agar ianya tidak menjelaskan kedudukan anggota ATM yang sedang berkhidmat.

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

(SIK)

TARIKH : 21.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam masa setahun terdapat lebih 3 juta murid mendaftar untuk memasuki sekolah rendah. Dari jumlah itu berapa orang murid yang berada di Pra Sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran dan berapa orang murid berada di Pra Sekolah di bawah anjuran Permata.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pendidikan prasekolah telah menjadi salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). KPI Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk prasekolah ialah peningkatan penyertaan murid prasekolah dari 67% kepada 87% menjelang 2012. Murid prasekolah KPM telah meningkat dari setahun ke setahun selaras dengan peluasan kelas prasekolah di seluruh negara. Bilangan murid prasekolah KPM pada tahun 2008 ialah 148,772 orang dan meningkat kepada 155,683 orang pada 2009. Bilangan ini terus meningkat kepada 162,927 pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan mengambil alih Program PERMATA Negara daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkuatkuasa 2011. Program ini adalah hanya untuk kanak-kanak berumur 0-4 tahun. Selain daripada Program PERMATA Negara, semuanya masih lagi di bawah Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), JPM.

Rjm 37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 21.06.2010

SOALAN NO 15

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan status terkini ekonomi negara dan bagaimana Kerajaan dapat menganjak pertumbuhan negara menjangkaui jangkaan kadar pertumbuhan 5% di suku ketiga dan keempat tahun 2010.

dan

DARIPADA TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 22.06.2010

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berdasarkan kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara pada suku tahun pertama 2010 yang amat memberangsangkan, adakah Kerajaan yakin Malaysia akan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi daripada dijangkakan untuk keseluruhan tahun 2010.

dan

DARIPADA DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

[SEPANG]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 29.06.2010

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dalam ekonomi dunia yang tidak menentu dewasa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau bersama-sama dengan dua soalan yang lain daripada Ahli Yang Berhormat dari **Labis** dan **Sepang** yang dijadualkan dijawab pada 22 Jun dan 29 Jun 2010.

Ekonomi negara telah kembali kukuh mencatat pertumbuhan positif 4.4 peratus pada suku keempat 2009 dan 10.1 peratus bagi suku pertama tahun 2010. Prestasi ini disokong oleh permintaan berterusan domestik terutamanya kesan positif pelaksanaan daripada kedua-dua pakej rangsangan ekonomi serta dimantapkan oleh peningkatan hasil eksport negara.

2. Aktiviti pelaburan domestik bertambah cergas pada kadar 5.4 peratus dalam tempoh suku pertama, menggambarkan pemulihan keyakinan pelabur. Selain itu, syarikat telah mula meningkatkan kapasiti pengeluaran yang kini mencecah 81.7 peratus, dicerminkan oleh peningkatan import barang modal sebanyak 27.5 peratus dalam tempoh yang sama.

3. Prestasi sektor luaran juga amat menggalakkan dengan jumlah eksport meningkat ketara sebanyak 19.3 peratus, berikutan pemulihan ekonomi dan perdagangan global. Selaras dengan perkembangan ini, nilai ditambah dalam sektor pembuatan mencatat pertumbuhan amat ketara pada kadar 16.9 peratus. Sektor ekonomi utama lain turut mencatat pertumbuhan positif yang tinggi termasuk pertanian (6.8 peratus), perkhidmatan (8.5 peratus) dan pembinaan (8.7 peratus).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Momentum pertumbuhan ini dijangka berterusan sepanjang tahun 2010 dengan sektor swasta menerajui dan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Langkah ini terus disokong oleh beberapa usaha yang telah diambil untuk memangkin pelaburan swasta ke tahap yang lebih cergas, termasuk:

- a. menyediakan persekitaran pembiagaan yang lebih kondusif dan berorientasikan pasaran; 2

- b. meliberalisasi 27 sub sektor perkhidmatan;
- c. melonggarkan pegangan ekuiti asing;
- d. mengkorporatkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MI DA);
- e. melupuskan aset bukan teras kompetitif beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di mana pemegang saham strategik yang baru mempunyai potensi untuk meningkatkan pewujudan nilai serta meningkatkan kadar apungan (*liquidity*) dan kebolehlaburan (*investability*) saham GLC terbabit;
- f. melaksanakan inisiatif gelombang kedua penswastaan; dan
- g. meningkatkan inisiatif projek perkongsian awam-swasta (PPP).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan akan melaksanakan langkah agresif dan inovatif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara untuk memastikan Malaysia terus dinamik dan kekal kompetitif berdasarkan empattiang utama iaitu 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan (GTP); Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bersandarkan Model Baru Ekonomi (MBE); dan dua rancangan lima tahun, iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas.

6. Menerusi langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, Malaysia telah berjaya menjadi antara 10 negara paling kompetitif dunia, seperti yang diumumkan dalam Laporan *IMD World Competitiveness Yearbook 2010* (2009: 18). Ini adalah hasil langkah penambahbaikan yang signifikan yang telah dilakukan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

7. Dengan mengambil kira pencapaian pertumbuhan yang menggalakkan dalam tempoh suku pertama 2010 serta usaha jitu transformasi Kerajaan dan transformasi ekonomi, Kerajaan yakin negara boleh mencapai sasaran pertumbuhan KDNK 6 peratus bagi tahun 2010.

DARIPADA **TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERA]**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **21.06.2010**

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aliran masuk wang asing berbanding dengan pelaburan sepanjang penganjuran F1 di Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Litar Antarabangsa Sepang (LAS) telah dibangunkan oleh Malaysia Airports Sdn Bhd (MASB), sebuah anak syarikat milik penuh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB), dengan kos berjumlah **RM413.46 juta** menggunakan peruntukan MASB. Kejohanan *Formula One* (F1) di LAS telah dianjurkan oleh Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) sejak tahun 1999 lagi di mana Kerajaan telah menampung bayaran *promoters rights fee* dan *television rights fee* bagi kejohanan tersebut. Ini kerana hasil yang diterima oleh SIC daripada pengendalian sukan bermotor seperti jualan tiket dan *merchandise* didapati tidak cukup untuk menampung perbelanjaan bagi penganjuran F1 oleh SIC. Sehingga Mei 2010, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah **RM781.87 juta** bagi membiayai penganjuran kejohanan F1 setiap tahun. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menyalurkan bantuan sebanyak **RM44 juta** kepada SIC bagi kerja-kerja membaik pulih litar yang kini telah berusia lebih daripada sepuluh (10) tahun.

2. Sungguhpun secara keseluruhannya SIC tidak memperoleh pulangan daripada penganjuran acara F1, namun acara tersebut telah berupaya menarik kedatangan ramai pelancong asing ke Malaysia. Sehingga tahun 2009,

purata perbelanjaan per kapita bagi pelancong antarabangsa yang berkunjung ke litar tersebut semasa kejohanan F1 berlangsung adalah sebanyak **RM3.72 bilion**. Perbelanjaan ini termasuklah bagi pembelian tiket, *merchandise* dan penginapan hotel. Jumlah ini mewakili **6.76%** daripada jumlah pendapatan yang

diperoleh oleh Kerajaan melalui sektor pelancongan bagi tahun 2009 iaitu sebanyak RM55.0 bilion. Selain itu juga, penganjuran acara F1 dapat memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang pembangunan dan perkembangan terkini industri permotoran antarabangsa.

3. Secara keseluruhannya, penganjuran F1 memberi banyakfaedah kepada negara terutamanya dari segi aliran pendapatan menerusi pembangunan industri pelancongan dan hospitaliti tempatan. Sehubungan itu, sokongan daripada Kerajaan adalah perlu bagi membolehkan negara terus menikmati manfaat serta *spill over effect* daripada penganjuran acara F1 di LAS.

No: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
JAWAB LISAN**

PERTANYAAN

DARIPADA **YB DATO' NORAINI BINTI
AHMAD (Parit Sulong)**

TARIKH **21 JUN 2010**

SOALAN **17**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah lampu jalan kampung yang diperuntukkan bagi daerah Batu Pahat dan berapakah dari jumlah ini telah diperuntukkan untuk Parlimen Parit Sulong bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 dan apakah Kementerian bercadang untuk memperuntukkan lampu jalan kampung ke kampung-kampung rangkaian.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah Kementerian dibuat secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2001. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah 2,739 unit LJK telah siap dipasang di seluruh Daerah Batu Pahat. Daripada jumlah di atas sebanyak 538 unit LJK telah dipasang di kawasan Parlimen Parit Sulong. Khusus bagi tahun 2008 dan 2009, sejumlah 53 unit LJK telah dipasang di kawasan Parlimen Parit Sulong. Bagi tahun 2010, Kementerian merancang untuk memasang 145 unit UK di Daerah Batu Pahat dan daripada jumlah

berkenaan, 47 unit diperuntukkan khusus untuk kawasan Parlimen Parit Sulong.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bermula dari tahun 2008, pelaksanaan projek UK diperluaskan ke kampung-kampung rangkaian memandangkan sebahagian besar kampung-kampung induk telahpun di pasang dengan UK. Bagaimanapun, senarai keutamaan bagi pelaksanaan projek ini ditentukan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) masing-masing.

No. Soalan :

18 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **Tuan Kulasegaran A/L Murugeson**
(Ipoh Barat)

TARIKH **21 Jun 2010**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson (Ipoh
SOALAN Barat) minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) Pandangan terhadap kritikan luas kandungan program perkauman di bawah Biro Tatanegara; dan
- (b) Apakah ulasan dan perubahan yang telah dibuat

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Semenjak penubuhannya lagi BTN menyanjung perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ini boleh dilihat melalui pengisian program yang memberi penekanan terhadap aspek nilai-nilai murni dan perpaduan antara kaum. Modul yang sedia ada banyak menyentuh perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar negara yang antara lain termasuklah hak dan kedudukan orang Melayu/Bumiputera dan dalam masa yang sama penerangan tentang hak-hak rakyat kaum lain juga tidak diabaikan. Peserta-

peserta program juga diberi kebebasan untuk menyatakan pandangan, idea serta pendirian semasa mengikuti program tersebut. Pendek kata tidak timbul langsung soal memperkecil atau memburukkan mana-mana kaum kerana perkara-perkara yang disampaikan adalah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar negara yang telah diterima untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa kandungan program anjuran BTN bersifat perkauman sepetimana yang sering diperkatakan oleh pihak pembangkang.

- (b) BTN sejak dari dahulu lagi sentiasa melakukan penambahbaikan dan pengubahsuaian kandungan program sejajar dengan keperluan semasa negara. Penambahbaikan dan pengubahsuaian kandungan program ini dilakukan oleh golongan profesional dan pakar dalam bidang yang berkaitan. Sebagai contoh, ketika zaman Tun Dr. Mahathir Mohammad menjadi Perdana Menteri, fokus BTN adalah kepada Wawasan 2020, diikuti dengan modal insan pada era Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan mulai pertengahan tahun 2009, fokus BTN adalah kepada 1 Malaysia - “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan Program Transformasi Kerajaan (GTP), serta kini Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bersandarkan Model Baru Ekonomi (MBE) dan rancangan pembangunan lima tahun.

No: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
TARIKH	21 JUN 2010 (ISNIN)
SOALAN	NO.19

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan menujuhkan kampus Universiti Teknologi MARA di Labuan selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menaik taraf tahap pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 20 universiti awam yang mampu menampung keperluan pengajian tinggi negara. Oleh yang demikian, kementerian tidak bercadang untuk menujuhkan cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Labuan. Walau bagaimanapun, kerajaan tiada halangan terhadap penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terutama yang memberi tumpuan kepada program kritikal seperti perubatan, farmasi dan kejuruteraan.

Pada masa ini, terdapat beberapa buah universiti awam dan cawangan berhampiran Labuan iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Cawangan UMS dan UiTM di Tawau, dan Kampus Cawangan UiTM di Kota Kinabalu. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa IPTA di Sarawak iaitu Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan Kuching, Kampus Cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Samarahan, UiTM Mukah dan Universiti Putera Malaysia (UPM) Cawangan Bintulu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]**

TARIKH **21 Jun 2010 (Isnin)**

SOALAN **32**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan dalam menambahbaik Pelabuhan Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun dari sekarang dan kos yang bakal ditanggung. Nyatakan secara terperinci termasuk kerja pengorekan dasar laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Rancangan pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang untuk tempoh lima tahun merangkumi projek-projek berikut:

(a) pembesaran Pangkalan Kontena Butterworth Utara Fasa 3 telah dimulakan pada 15 Oktober 2008 dan sepatutnya dijadual siap pada bulan Oktober 2011.

Walaubagaimanapun, kerja-kerja pembinaan dijangka siap pada bulan Julai 2010 iaitu lebih awal daripada jadual asal. Kos projek berkenaan dianggar sebanyak RM840 juta termasuk pembelian alatan pengendalian.

(b) projek pembinaan Terminal Kuala Prai bagi menampung kendalian kargo pukal dijangka beroperasi pada tahun 2012 dengan anggaran kos sebanyak RM322 juta; dan

(c) projek *Centralized Tankage Facilities* yang bertujuan untuk memusatkan operasi gas dan minyak dalam kawasan pelabuhan yang dicadang dibangunkan di

penghujung Pangkalan Kontena Butterworth Utara, sedang dalam perancangan Penang Port Sdn. Bhd. Anggaran kos yang terlibat bagi pembinaan infrastruktur asas seperti dermaga dan jambatan penghubung adalah sebanyak RM144 juta. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pembiayaan kesemua projek-projek tersebut adalah ditanggung sepenuhnya oleh Penang Port Sdn. Bhd. selaku pengendali pelabuhan.

Berkenaan projek memperdalamkan kawasan perairan Pelabuhan Pulau Pinang pula, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan cadangan ini untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dengan anggaran kos sebanyak RM351 juta. Walau bagaimanapun, butiran senarai projek-projek dibawah RMK10 hanya akan diketahui pada bulan Ogos 2010.

Adalah diharapkan agar pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi kerjasama bagi memastikan pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan lancar.

Soalan No : 21

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
	[PASIR MAS]
TARIKH	21.6.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah menjadi dasar Kerajaan setiap kali ada pilihanraya kecil yang melibatkan pengundi-pengundi kaum Cina, Kerajaan akan meluluskan berbagai peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan dan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu merupakan satu tekanan terhadap Kerajaan yang tidak wajar dilayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dakwaan yang mengatakan bahawa kerajaan akan meluluskan pelbagai peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan setiap kali ada pilihanraya kecil adalah tidak benar. Ini adalah ~~PERINTAHAN DEWAN RAKYAT~~ turukan bantuan atau pun peruntukan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan mengikut keperluan tanpa mengira jenis sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan pendidikan yang disalurkan oleh Kerajaan adalah berdasarkan kepada pelbagai pelan yang dirangka seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe-9) dan yang terkini RMKe-10. Kesemua pelan tersebut telah dikaji dan dirancang dengan teliti supaya dapat memenuhi keperluan semasa.
Rjm 104

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG (DAP)

(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH 21 JUN2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Chong Eng minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai rancangan melanjutkan cuti bersalin sehingga 90 hari berdasarkan piawaian antarabangsa, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan pentingnya kemudahan cuti bersalin yang mencukupi kepada golongan wanita untuk menjaga kesihatan diri dan meluangkan masa berkualiti bersama bayi mereka. Kemudahan cuti bersalin

adalah sebahagian daripada usaha mewujudkan suasana kerja yang mesra keluarga ke arah mencapai keseimbangan kerjaya dan keluarga. Memandangkan pelanjutan tempoh cuti bersalin dari 60 hari kepada 90 hari mempunyai implikasi tertentu, KPWKM perlu meneliti pelbagai aspek yang terlibat sebelum cadangan ini dikemukakan kepada Kerajaan. Antara aspek tersebut ialah implikasi terhadap produktiviti negara, kaedah pembiayaan cuti bersalin dan kesan terhadap penggajian pekerja wanita. Sehubungan perkara ini, Kementerian sedang dalam usaha

meneliti kaedah yang diamalkan oleh negara-negara yang melaksanakan tempoh cuti bersalin mengikut piawaian antarabangsa terutamanya dari segi pembiayaan cuti bersalin. Proses ini dijangka mengambil masa dalam tempoh dua bulan.

No: 23

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
[SETIU-BN]

TARIKH 21 JUN 2010 (ISNIN)
SOALAN NO. 23

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah membangunkan para belia dan belianis dari segi kekuahan sosial, kerjaya dan kefahaman moral untuk membentuk generasi muda yang matang dan unggul terutamanya golongan sederhana bagi menjamin masa depan pembangunan belia ke arah membangunkan negara maju.

JAWAPAN

1. Bagi membangunkan belia yang kukuh dari aspek sosial, kerjaya mahupun kematangan dalam aspek moral, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berpandukan kepada empat (4) dokumen penting yang menjadi asas kepada proses perencanaan agenda pembangunan belia negara. Dokumen-dokumen berkenaan adalah:

 - I. Dasar Pembangunan Belia Negara 1997;
 - II. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional 2004;
 - III. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007; dan
 - IV. Gagasan 1 Belia 1 Malaysia.
2. Kesan daripada pelaksanaan agenda pembangunan belia dengan berteraskan kepada dasar-dasar tersebut serta lain-lain polisi kerajaan dapat dilihat bahawa kualiti hidup belia Malaysia sebenarnya adalah sangat baik jika dibandingkan dengan belia dari sesetengah negara yang lain. Bukti Skor

Indeks Belia Malaysia 2008 memperlihatkan bahawa belia Malaysia bebas daripada tingkah laku devian dengan skor indeks 87.8, mempunyai tahap kesihatan yang baik dengan skor indeks 97.1 dan Skor IBM menunjukkan bahawa belia Malaysia sangat terdedah kepada sumber maklumat terkini menerusi media dengan Skor 85.0

SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN	
DARIPADA	TUAN JEFF OOI CHUAN [JELUTONG]	AUN
TARIKH	21 JUN 2010 (ISNIN)	

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bagaimana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cawangan Kesihatan dan Keselamatan Pemancaran di bawah Bahagian Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan telah mengendalikan kempen pendidikan orang awam mengenai maklumat betul tentang impak *Radio Frequency Radiation (RFR)* dan *Electromagnetic Fields (EMF)* bersabit infrastruktur telekomunikasi menurut piawaian antarabangsa yang diguna pakai di Malaysia. Adakah usaha-usaha itu berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) prihatin terhadap kegusaran masyarakat tentang kesan radiasi yang dihasilkan oleh Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan

Elektromagnetik (*EMF*) dalam penggunaan perhubungan telekomunikasi tanpa wayar.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak SKMM telah mengadakan seminar kesedaran serta kempen pendidikan di seluruh negara di mana pakar-pakar daripada Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah dijemput untuk bersama-sama memberi pandangan ilmiah mereka dan penjelasan terhadap kesan radiasi.

Piawaian yang digunakan untuk Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan Elektromagnetik (*EMF*) dari menara telekomunikasi adalah pada tahap yang dibenarkan kepada umum (*exposure limit for public*). Malaysia mengguna pakai piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection, ICNIRP*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di samping itu, Kementerian ini bersama SKMM telah mengambil beberapa langkah tambahan bagi memastikan semua peralatan pemancar dan *base station* syarikat-syarikat telekomunikasi selular adalah selamat. Antara langkah yang telah dibuat ialah:-

- i. Setiap permohonan pembinaan menara telekomunikasi akan dimestikan (mandatori) mengemukakan bacaan emisi radiasi secara simulasi;

- ii. Membangunkan pangkalan data di SKMM bagi menyenaraikan bacaan tahap emisi radiasi menara dan struktur sistem pemancar bagi tujuan pemantauan; dan
- iii. Menjalankan ujian terhadap menara dan struktur sistem pemancar berpandukan piawaian pendedahan menggunakan peralatan pengujian yang dikalibrasi dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan telah memperkenalkan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002.

Pada waktu tersebut, garis panduan ini telah diwujudkan secara bersama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK), Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan agensi- agensi serta NGO seperti Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM). Meskipun penyebaran maklumat tidak tepat oleh pihak tertentu telah mengundang ketakutan dan kegusaran di kalangan rakyat, kajian dan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian dan SKMM mendapati tiada pihak penyedia perkhidmatan yang telah melanggar had dedahan radiasi kepada umum bagi membolehkan tindakan diambil di bawah peruntukan sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya ia berkaitan isu hasutan yang boleh mengganggu ketenteraman awam yang tertakluk di

bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Hasutan 1984, ia akan dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pada masa ini, masih belum ada sebarang tindakan yang bersabit dengan perkara ini.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH: 21JUN2010

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah **langkah-langkah** yang diambil oleh Kerajaan, bagi **menjamin peluang pekerjaan** di kalangan **rakyat tempatan**, supaya sektor pekerjaan **tidak dikuasai** oleh pekerja-pekerja asing, terutama di dalam syarikat-syarikat swasta.

PR-1232-L37485

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa menekankan kepada majikan supaya memberi keutamaan menggaji pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat majikan dari sektor tertentu tidak dapat menggaji pekerja tempatan kerana ianya tidak diminati atas alasan pekerjaan yang tidak popular dikalangan rakyat tempatan seperti dalam sektor perladangan dan pembinaan.

Bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) Membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali

- dalam sub-sektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort peranginan;
- (ii) Mewujudkan komuniti ladang dimana semua kemudahan asas seperti kemudahan perumahan, air paip yang dirawat, elektrik, klinik ladang, pusat asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, kedai koperasi, tanah untuk bercucuk tanam, serta kemudahan beribadat dan rekreasi sama seperti yang dinikmati oleh masyarakat kampung di luar ladang. Kerajaan bersama agensi Kerajaan yang lain dari semasa ke semasa akan menyediakan dan meningkatkan kemudahan yang sedia ada bagi menarik minat belia untuk bekerja di sektor perladangan;
 - (iii) Mengadakan perundingan dengan majikan sektor pembuatan dan perkilangan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan. Untuk langkah jangka panjang, penempatan industri pembuatan dan perkilangan dibuka di kawasan luar bandar yang mempunyai penawaran tenaga kerja yang tinggi bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor pembuatan dan perkilangan;
 - (iv) Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah kerja secara *Homeworking* dan kerja separa masa (*part time*) bagi kerja-kerja yang boleh dibuat di luar premis pekerjaan atau dibuat secara *part time* oleh *latent workforce* seperti surirumah, ibu tunggal, belia, OKU dan pesara bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing;
 - (v) Memperketatkan kelulusan pengajian pekerja asing bagi subsektor perkhidmatan (restoran, dobi, tukang emas dan logam) dan memansuhkan kebenaran menggaji pekerja asing dalam subsektor perkhidmatan (kargo, tukang gunting, borang dan tekstil); dan
 - (vi) Menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas untuk sektor perladangan, mesin mencuci pinggan mangkuk di restoran dan penggunaan teknologi berasaskan Industrial Building System (IBS) bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh.

Tuan Yang Di Pertua,

Penubuhan *Talent Corporation* di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) adalah bertujuan untuk menarik dan mengekalkan *talent* yang diperlukan di negara ini. Dengan kerjasama sektor awam dan swasta, *Talent Corporation* akan mewujudkan Rangka Tindakan Modal Insan Berkemahiran bagi mengenal pasti dan menentukan *talent* berdasarkan keperluan *National Key Economic Areas (NKEA)* serta membangunkan inisiatif tertentu untuk memenuhi *talent* yang kritikal kepada negara.

Menerusi langkah-langkah yang dinyatakan diatas, KSM menjangkakan peluang pekerjaan dikalangan rakyat tempatan terutama dalam syarikat-syarikat swasta adalah lebih terjamin.

No:26

DARIPADA	: DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	21.06.2010
SOALAN NO	26

Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramil (Kuala Krai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- a) sama ada pihak berkuasa agama dirujuk sebelum meluluskan permohonan lesen judi sukan bagi mengelakkan judi haram; dan
- b) anggaran hasil setahun daripada aktiviti perjudian sukan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN
DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID

**TARIKH
SOALAN**

21 JUN 2010 (ISNIN)
NO.27

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan

- (a) masalah kekurangan dekan dan pensyarah yang pakar dalam penguasaan Bahasa Inggeris yang dihadapi di institusi pengajian tinggi awam dan swasta terutama di fakulti-fakulti seperti undang-undang, kejuruteraan, perubatan dan sebagainya serta mampu menjadi contoh kepada golongan pelajar terutama dari aspek pertuturan dan penulisan; dan
- (b) langkah untuk meningkatkan 'standard' penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti serta perancangan yang diambil dalam menyediakan serta menjamin mereka dalam memenuhi sektor pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian "*The English Test For Academic Staff*" yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya diketuai Prof. Dr. Zuraidah Mohd Don pada tahun 2007 mendapati penguasaan bahasa Inggeris pensyarah adalah pada tahap memuaskan tetapi perlu dimantapkan. Kajian ini mencadangkan pelaksanaan "*English Language Support Program*" seperti program "*English For Professional Purposes*" dan program '*English For Specific Discipline*" yang

memfokuskan kepada keperluan bahasa Inggeris untuk komunikasi serta pengajaran dan pembelajaran.

Ekoran itu, beberapa mekanisme telah diambil dalam memantapkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah universiti. Di antaranya ialah:

- i. Para pensyarah dihantar mengikuti kursus dan latihan intensif bahasa Inggeris bagi memantapkan penguasaan bahasa global itu. Pendedahan lebih kerap dan maklumat asas aspek penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah diterapkan seterusnya mengaplikasikannya di dalam pengajaran masing-masing. Kursus dan latihan intensif penguasaan bahasa Inggeris yang dijalankan oleh pihak universiti adalah penting untuk meningkatkan pengetahuan, keyakinan dan profesionalisme para pensyarah.
- ii. Penubuhan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), juga menyumbang dalam pemantapan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan para pensyarah. AKEPT menyediakan ruang bagi para pensyarah menguasai ilmu dan kemahiran yang diperlukan sebagai kaktangan akademik khususnya ilmu dan kemahiran bagi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta ilmu kepimpinan. Secara keseluruhan, kursus-kursus yang dilaksanakan AKEPT untuk para pensyarah universiti dijalankan dalam bahasa Inggeris.
- iii. Pensyarah juga diberi galakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD di luar negara. Kementerian telah menetapkan salah satu syarat kelayakan yang diambil kira dalam permohonan biasiswa pengajian di luar Negara, adalah calon perlu lulus Ujian bahasa Inggeris (IELTS/setaraf). Syarat ini dapat memastikan calon benar-benar berkemampuan menguasai bahasa Inggeris untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ujian bahasa Inggeris (IELTS/setaraf) ini adalah salah satu mekanisme dalam memantapkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah universiti.

Bagi pensyarah di IPTS pula, mereka perlu mendapatkan permit mengajar daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebelum dibenarkan mengajar di IPTS. Dalam proses mengeluarkan permit mengajar tersebut, kementerian menetapkan beberapa kriteria antara lain mempunyai kelayakan bahasa Inggeris bagi bidang pengajian tertentu.

Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif di dalam meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti, antaranya:

- i. penawaran kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa tersebut. Jumlah jam kredit serta jenis kursus yang ditawarkan kepada setiap pelajar adalah berdasarkan keputusan pelajar tersebut di dalam *Malaysia University English Test (MUET)* yang diambil sebelum memasuki IPTA;
- ii. menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal;
- iii. menawarkan kursus-kursus elektif bahasa Inggeris sebagai kursus pilihan untuk pelajar;
- iv. menggalakkan pelajar lemah untuk mengikuti kursus jangka pendek/klinik bahasa semasa cuti semester; dan
- v. menggalakkan aktiviti ko-kurikulum di dalam bahasa Inggeris seperti melaksanakan minggu/bulan bahasa Inggeris, *English Language Camp* serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari masa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN
PERTAWARAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN AZAN BIN ISMAIL
	(INDERA MAHKOTA)
TARIKH	21.06.2010 (ISNIN)
NO SOALAN	28

TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kenapakah Kerajaan melaksanakan pengecualian di bawah Akta Persaingan 2010 terhadap syarikat yang dikawal atau ditadbir oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Suruhanya Tenaga 2001.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Akta Persaingan 2010 ini yang akan mengawal selia semua aktiviti komersial syarikat-syarikat akan memperuntukkan pengecualian terhadap mana-mana syarikat yang dikawal atau ditadbir di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Suruhuniaya Tenaga 2001.

Ini adalah kerana sektor-sektor tersebut yang berada di bawah kawalseliaan badan berkuasa sektor Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Suruhanjaya Tenaga telah mempunyai peruntukan khusus mengenai undang- undang persaingan bagi mengawalselia aktiviti persaingan di bawah kawalselian sektor masing-masing. Badan-Badan Berkuasa Sektor ini juga mempunyai kepakaran dalam mengawal selia aktiviti syarikat-syarikat di bawah kawalseliaannya.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menyeragamkan serta memastikan kelancaran undang-undang persaingan, satu Jawatankuasa Khas Persaingan yang merangkumi Badan-Badan Berkuasa Sektor dan Suruhanjaya Persaingan akan diwujudkan. Penubuhan Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan ini adalah bagi membincangkan perkara-perkara berbangkit mengenai penguatkuasaan serta keseragaman undang-undang persaingan di Malaysia, lanya juga akan bertindak sebagai satu forum bagi membolehkan Suruhanjaya Persaingan menyuarakan pandangan serta memaklumkan kepada Badan-Badan Berkuasa Sektor terbabit mengenai kemungkinan berlaku suatu aktiviti anti-pesaingan di sektor tersebut.

NO. AUM : 4

NO. AUP : SX?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]
TARIKH 21 JUN 2010
RUJUKAN 2727

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan Program Polis Komuniti di setiap kawasan rumah kediaman agar dapat meningkatkan penglibatan dan komitmen pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan dalam pemeliharaan keselamatan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Polis Komuniti mula dilaksanakan di Malaysia sejak awal tahun 1968 dibawah Sistem Salleh. Ciri terpenting dibawah konsep Polis Komuniti ini ialah menggalakkan hubungan dan kerjasama rapat diantara pihak polis dengan orang awam dalam usaha mengurangkan jenayah. Untuk menjayakannya polis

dikehendaki mengambil inisiatif mendekati masyarakat setempat sebagai rakan memerangi jenayah. Sementara itu, masyarakat setempat perlu memberikan kerjasama kepada pihak polis dengan menyalurkan maklumat dan juga mengawal keselamatan kawasan kediaman serta kejiranan masing-masing.

Diantara program dan kemudahan yang dikenalpasti termasuk di dalam Konsep Polis Komuniti ini ialah, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dibawah Rukun Tetangga, Rakan Cop, Pondok Bit, Pondok Polis Komuniti dan Balai Polis Bergerak. Selain dari itu, dibawah NKRA Mengurangkan Jenayah inisiatif “High Profile Policing” dan “Stop and Talk” juga sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi kerjasama antara Polis dan masyarakat. Melalui inisiatif ini pegawai kanan dan anggota polis akan *turun padang* bertemu orang awam untuk mewujudkan jalinan hubungan dan meningkatkan keyakinan rakyat yang boleh membawa kepada kerjasama yang berterusan untuk mengurangkan jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Sungguhpun Program Polis Komuniti telah lama dilaksanakan dan memberi kesan yang positif, tetapi buat masa ini pihak PDRM belum bercadang untuk melaksanakan program ini di setiap kawasan perumahan di seluruh negara. Ini disebabkan kekangan bilangan anggota polis yang ada pada masa ini. Walau bagaimanapun, PDRM sedang merancang untuk mengisi kekosongan dan tambahan jawatan bagi mencapai sasaran 150,000 orang anggota menjelang tahun 2012

daripada jumlah semasa seramai 104,960 orang.

SOALAN NO: & 30

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHUA SOON BUI

[TAWAU]

TARIKH : 21 JUN 2010

SOALAN

DATUK CHUA SOON BUI minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan-tindakan holistik yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh MACC supaya melibatkan seramai 1.3 juta orang pegawai sektor awam di pelbagai Kementerian dan jabatan untuk mengurangkan aktiviti rasuah pada pelbagai peringkat pentadbiran yang manakah merupakan jabatan-jabatan sasaran utama.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Pelbagai langkah telah diambil dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan awam bebas dari rasuah. Di samping tindakan punitif,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki 2 elemen penting yang berhubungkait dengan rasuah iaitu modal insan dan sistem penyampaian. Oleh itu bagi memastikan perkhidmatan awam yang bebas dari rasuah Kerajaan akan terus berusaha untuk melahirkan modal insan yang berintegriti dan menghayati nilai murni dalam pelaksanaan tugas melalui pelbagai kaedah latihan. Sistem penyampaian akan ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi menutup segala ruang dan peluang berlakunya rasuah. Ini dilaksanakan melalui pelbagai bentuk jawatankuasa dan mekanisme kawalan dalaman seperti Jawatankuasa Tadbir Urus dan sebagainya bagi menutup segala ruang dan peluang berlakunya rasuah.

Untuk makluman YB Tawau, langkah juga diambil melalui kaedah pendidikan dan penerangan dengan tujuan menghasilkan pekerja yang berintegriti dan mengamalkan nila-nilai murni. Aktiviti pendidikan masyarakat merupakan salah satu keedah pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selaras dengan peruntukan dan tanggungjawab pegawai SPRM di bawah seksyen 7(f) dan (g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu mendidik masyarakat supaya membenci rasuah dan mendapatkan sokongan masyarakat menentang jenayah

rasuah.

Sehubungan itu, pelbagai pendekatan untuk mendidik orang ramai dalam menentang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan telah dilaksanakan. Pendekatan ini sentiasa diperkemaskan dan dimantapkan dari semasa ke semasa supaya ia memberi impak yang besar kepada penjawat awam agar elemen membenci rasuah dapat disemai dalam jiwa agar mereka dapat menjauhi perbuatan keji ini sehinggalah ke alam pekerjaan dan menjadi amalan hidup mereka kelak.

Kempen-kempen juga dipergiatkan seperti 'Hindar Menerima, Perangi Pemberi Rasuah'. Kempen itu bertujuan mencetuskan motivasi dan meningkatkan integriti penjawat awam dengan menolak amalan rasuah, di samping melakukan perubahan minda ke arah pencapaian agenda transformasi Negara serta menyedarkan orang awam hahaha npmhpri ra«nah inna tirlak fprlpnas darinarla tinrlakan undang-undang. Kempen berkenaan memperoleh kejayaan apabila dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 2010 seramai 109 orang pemberi rasuah berjaya ditangkap berbanding dengan tahun 2009 hanya 108 orang yang ditangkap.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

ERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO'SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH

21 JUN 2010

SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membina baru Klinik Ibu dan Kanak-Kanak di RPR Kidurong, Bintulu Sarawak yang menggunakan rumah teres kos rendah bagi menggantikan klinik sedia ada yang telah berusia 18 tahun; dan
- (b) Bagaimana pula dengan status cadangan pembinaan Wad Psikiatri bagi Hospital Bintulu yang sepatutnya dilaksanakan pembinaannya.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kementerian bercadang untuk membina Klinik Kesihatan Jenis 3 di Kidurong, Bintulu dalam *second rolling plan*, Rancangan Malaysia Ke-10. Ini memandangkan Kementerian buat masa kini masih sedang mengenalpasti tanah dan lokasi yang sesuai berserta peruntukan yang mencukupi untuk pembinaan klinik. Kementerian juga amat berharap agar pihak kerajaan Negeri dapat memb^ri cadangan tanah di lokasi yang strategik agar dapat meningkatkan akses penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Perancangan awal wad psikiatri adalah untuk menggunakan wad sedia ada dengan menaiktaraf tempat bersesuaian di wad lelaki dan wad wanita untuk pesakit psikiatri. Bagi

pesakit yang memerlukan rawatan lanjutan, mereka dihantar ke Hospital Miri. Untuk jangkamasa panjang Kementerian sedang merancang pembinaan wad tambahan.

NO. AUM : 13

NO. AUP : 3^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

TARIKH 21 JUN 2010

RUJUKAN 2729

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia dan Jabatan Polis Di-Raja Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan Sri Lanka untuk menahan serta mendeportasi pelarian Tamil di Malaysia yang disyaki sebagai

pengganas dan sekiranya ya, senaraikan jumlah dan butiran pelarian yang telah dideportasi sehingga kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli yang berhormat bahawa setakat ini tiada pelarian Tamil warganegara Sri Lanka yang disyaki pengganas telah dideportasi oleh Kerajaan Malaysia.

Namun demikian dalam tahun 2009 seramai empat ratus dua puluh dua (422) orang warganegara Sri Langka telah ditangkap dan dikenakan tindakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Imigresen 1963 seperti tinggal lebih masa.

SOALAN NO : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA :	DATO'HADJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
	[KOTA BELUD]
TARIKH	21 JUN 2010
SOALAN	

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Kerajaan akan menaik taraf Hospital Kota Belud kepada hospital pakar memandangkan ia adalah hospital yang digunakan oleh rakyat bukan saja dari Kota Belud tetapi dari daerah-daerah berdekatan seperti Kota Marudu dan Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kota Belud adalah hospital tanpa pakar yang telah beroperasi di tapak baru semenjak tahun 1982 dengan 172 buah katil. Kadar penggunaan katil di hospital tersebut pada tahun 2009 adalah 70.6%.

Pada masa ini perkhidmatan kepakaran diperolehi melalui lawatan Pegawai Perubatan Pakar secara berkala daripada Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu yang meliputi Perkhidmatan Perubatan Am, Psikiatri dan Oftalmologi; dan Hospital Pakar Wanita dan Kanak-Kanak Likas untuk Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi, dan Pediatrik. Jarak di antara Hospital Kota Belud dengan hospital berpakar terdekat adalah 70 km ke Hospital Pakar Wanita dan Kanak-Kanak Likas, dan 80 km ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Kementerian belum ada cadangan lagi untuk menaiktaraf Hospital Kota Belud kepada hospital berpakar. Cadangan untuk menaiktaraf sesebuah hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar perlulah selaras dengan sumber manusia yang mencukupi yang meliputi Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan, Jururawat dan lain-lain lagi. Dalam perkara ini, Kementerian sedang berusaha untuk memberi peluang lebih ramai Pegawai Perubatan dilatih menjadi Pegawai Perubatan Pakar dan melatih lebih ramai jururawat di kolej-kolej latihan Kementerian supaya perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital Kementerian dapat diperkuuhkan dan diperkembangkan.

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI (TITIWANGSA)

TARIKH 21 JUN 2010

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta Perdana Menteri menyatakan tentang notis pemindahan penghuni Kuarters Kerajaan sekitar Jalan Peel dan Jalan Cochrane yang dibuat tergesa- gesa pada bulan Mei yang lalu serta apakah pembangunan yang akan dibuat di kawasan hartanah tersebut, syarikat mana yang akan membangunkan, berapa kos tanah satu kaki persegi, adakah proses tawaran melalui tender terbuka dan status proses jual beli serta langkah-langkah diambil supaya kakitangan Kerajaan tersebut dipindahkan sementara sekitar kawasan kuarters seperti PPR Laksamana atau PPR Perkasa yang berdekatan.

JAWAPAN: DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Notis yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) pada 4 Mei 2010 kepada penghuni kuarters Jalan Cochrane adalah notis makluman penqosonqan kuarters Keraiaan dan bukannya notis pemindahan. Notis ini adalah sebagai makluman awal kepada penghuni agar mereka dapat membuat persediaan untuk mengosongkan kuarters berkenaan pada tarikh yang akan dimaklumkan. Notis makluman tersebut menjelaskan keputusan Kerajaan Malaysia untuk membangunkan kawasan tersebut. Penghuni juga dimaklumkan dalam notis yang sama bahawa Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) akan memaklumkan tarikh sebenar penghuni mengosongkan kuarters selewat-lewatnya 60 hari dari tarikh pihak pemaiu masuk ke tapak projek.
2. Tanah tersebut akan dibangunkan dengan pembangunan bercampur meliputi pembinaan kompleks perniagaan untuk IKEA dan kediaman berdensiti tinggi. Tanah tersebut akan dibangunkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) iaitu sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang tujuan penubuhannya adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan anggota tentera. LTAT mempunyai pengalaman dan kemampuan kewangan untuk melaksanakan projek ini berdasarkan kejayaan pembangunan harta di Mutiara Damansara.
3. Penjualan tanah tersebut dibuat berdasarkan harga pasaran semasa yang dianggarkan oleh Jabatan Penilaian dan Pekhidmatan Harta pada kadar purata RM198.50 sekaki persegl. Tawaran penjualan tanah Jalan Cochrane dilaksanakan melalui proses rundingan terus melibatkan Perjanjian Jual Beli dengan jadual bayaran 2% *earnest money*, 8% semasa Perjanjian Jual Beli dimeterai dan baki 90%

semasa borang pindah milik (Borang 14A KTN) ditandatangani dan diserahkan kepada Pejabat Tanah. LTAT telah menjelaskan bayaran *earnest money* sebanyak 2% daripada harga tawaran dan draf Perjanjian Jual Beli sedang disediakan oleh LTAT dan pihak Kerajaan.

4. Perintah Am 5 (b) Bab E menyatakan bahawa Kerajaan boleh menghendaki pegawai mengosongkan rumah Kerajaan dengan memberi tempoh satu (1) bulan tanpa bertanggungjawab memberi rumah lain sebagai ganti. Walau bagaimanapun BPH akan membantu mana-mana penghuni yang ingin memohon menduduki kuarters di Putrajaya dengan memberi pertimbangan khas. BPH juga pernah mengadakan perbincangan dengan DBKL berkenaan rumah PPR. DBKL mengesyorkan agar penghuni kuarters yang layak memohon secara terus kepada DBKL mengikut tatacara permohonan rumah PPR.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil]

TARIKH 21 JUN 2010

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang lompat parti dan apakah kewajarannya untuk undang-undang ini diquba! dan begitu juga sebaliknya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana jawapan yang pernah diberikan sebelum ini, situasi lompat parti ini berlaku bilamana seseorang Ahli Yang Berhormat telah hilang keyakinan dengan parti yang diwakili. Sehubungan itu, kerajaan berpendapat, di peringkat ini tidak timbul sebarang keperluan untuk mengadakan undang-undang sedemikian.

Sekjan. Terima kasih.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB TUAN LIM KIT SIANG**

[IPOH TIMUR]

TARIKH **21 JUN 2010**

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada akan ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai janji-janji yang tidak ditunaikan kepada Sabah dan Sarawak semasa penubuhan Malaysia dalam tahun 1963 khasnya mengenai pembangunan yang adil dan saksama untuk semua rakyat di dua negeri

yang kaya ini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai janji-janji yang tidak ditunaikan kepada Sabah dan Sarawak semasa penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]

TARIKH 21 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Bilakah projek mengeluarkan gas dan minyak Petronas di negeri Sabah akan bermula; dan
- (b) Bagaimanakah projek ini akan memanfaatkan negeri dan rakyat Sabah.

JAWAPAN :

Pada masa ini PETRONAS sedang menjalankan Projek Bersepadu Minyak dan Gas Sabah-Sarawak (dengan izin - *Sabah-Sarawak Integrated Oil and Gas Project*) yang melibatkan pembangunan medan-medan gas di luar pantai Sabah dan pembangunan Terminal Minyak dan Gas Sabah (dengan izin - *Sabah Oil and Gas Terminal - SOGT*) di Kimanis serta pembinaan saluran paip gas dari Kimanis, Sabah ke Bintulu, Sarawak (dengan izin - *Sabah-Sarawak Gas Pipeline - SSGP*). Projek SOGT masih diperingkat awal dengan tahap kemajuan kira-kira 8.4%. Kerja-kerja penyediaan tapak utama telah selesai dijalankan manakala *Front End Engineering Design* kini hampir selesai disediakan. Projek SOGT ini dijangka mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2013. Bagi projek SSGP pula, tahap kemajuan adalah kira-kira 62% dengan kerja-kerja pembersihan tapak serta pemasangan paip sedang giat dijalankan. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2011.

Berhubung manfaat projek ini kepada rakyat dan negeri Sabah, saya ingin tekankan bahawa Projek Bersepadu Minyak dan Gas Sabah-Sarawak (SOGT dan SSGP) membuka banyak peluang bagi penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan yang berkelayakan. Di antara kontraktor-kontraktor dari Sabah yang terlibat didalam **projek SOGT** adalah Ribuan Gaya Sdn. Bhd, Montis Sdn. Bhd., Villaco Sdn. Bhd., WBS Construction Sdn. Bhd., Pemborong Lebat Sdn. Bhd., Jurukur Tempatan Sdn. Bhd., SCHB Engineering Services Sdn. Bhd. dan Petrosinar Sdn. Bhd..

Bagi **projek SSGP**, kontraktor-kontraktor dari Sabah yang terlibat adalah Petrosab Logistik Sdn. Bhd., Petro Pipe (Sabah) Sdn. Bhd., Jurukur Tempatan Sdn. Bhd. dan Geo Exploration & Testing Services.

Selain daripada itu, projek-projek ini juga telah dan akan membawa banyak kesan

pengganda atau *multiplier effect* kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah. Di antara kesannya adalah pertumbuhan industri-industri sokongan, penyediaan peluang perniagaan dan pekerjaan serta pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan industri.

No: 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

PERTANYAAN

LISAN

21.06.2010

TARIKH

SOALAN NO

38

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan status siasatan ke atas dakwaan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan yang telah mengirim RM10 juta ke United Kingdom melalui perkhidmatan “money changer” dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan menyerbu dan memulakan siasatan terhadap pengurup-pengurup wang yang terlibat dalam aktiviti pengiriman wang secara haram. Hasil siasatan yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat kegiatan pengiriman wang ke luar negara secara haram oleh pengurup-pengurup wang yang menyalahi peruntukan undang-undang di bawah seksyen 30(1) Akta Pengurusan Wang 1998. Sehubungan itu, lesen pengurup-pengurup wang yang terlibat telah dibatalkan oleh Bank Negara Malaysia.

2. Bank Negara Malaysia juga boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pengirim dana yang membuat penghantaran dana ke luar negara secara haram di bawah Akta yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu. Sekiranya hasil siasatan pihak Bank Negara Malaysia mendapati pengiriman dana itu melibatkan aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, pengirim dana itu juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan

Keganasan 2001 yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

3. Sekiranya terdapat pelanggaran peruntukan akta lain yang di luar bidang kuasa pihak Bank Negara Malaysia, hasil siasatan akan dipanjangkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

LISAN

SOALAN NO: 33 3*f

YB TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAIFAR ALBAR 21

PERMINTAAN PERTAWAKAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

SOALAN

:

DARIPADA

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]

fARIKH
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah tegas yang
boleh diambil oleh Kerajaan bagi memastikan institusi diraja dilindungi selaras dengan
anutan negara berdasarkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan
supaya institusi raja tidak dicemari dan diperlekehkan.

JAWAPAN : **YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi Raja Berperlembagaan di negara ini dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan yang mempertahankan hak, kuasa, kedaulatan dan kedudukan Institusi Diraja seperti yang termaktub dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan sentiasa melindungi Institusi Diraja dengan memastikan bahawa semua undang-undang yang sedia ada dikuatkuasakan terhadap mana-mana pihak yang mencemari Institusi Diraja tersebut.

Antara langkah tegas yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap seseorang yang mencemarkan, memperlekehkan atau mempersoalkan hak, kuasa atau kedudukan Institusi Diraja adalah seperti yang berikut;

Tindakan di bawah Akta Hasutan 1946 \Akta 751

Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan yang mengandungi unsur "*seditious tendency*" boleh didakwa melakukan kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. Perkataan "*seditious*• tendency" telah ditakrifkan dalam **seksyen 3** Akta 15 sebagai termasuk mendatangkan kebencian atau perasaan tidak puas hati terhadap mana-mana Raja atau di kalangan rakyat, mempersoalkan apa-apa perkara, hak, kedudukan, keistimewaan atau kedaulatan Institusi Diraja yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan atau menggalakkan perasaan tidak sihat dan permusuhan di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini

Di samping itu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman ke atas mana-mana pihak yang menerbitkan bahan yang mengandungi unsur "*seditious tendency*" dalam akhbar dengan membuat perintah supaya penerbitan akhbar yang berkenaan digantung bagi suatu tempoh yang ditentukan mengikut seksyen 9 Akta 15. Sehubungan itu, mahkamah juga boleh membuat perintah bagi menghalang pengedaran apa-apa

penerbitan yang mengandungi unsur "seditious tendency" atas permohonan yang dibuat oleh Pendakwa Raya mengikut seksyen 10 Akta 15.

Tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 821]

Seseorang yang mencemarkan atau memperlekehkan Institusi Diraja sehingga boleh menjelaskan keselamatan negara boleh ditahan mengikut seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82]. Mana-mana penerbitan yang mengandungi bahan yang mencemarkan atau memperlekehkan Institusi Diraja yang didapati boleh menjelaskan keselamatan-atau kepentingan negara atau kepentingan awam boleh dikenakan perintah larangan mengikut seksyen 22 Akta 82.

Tindakan di bawah Kanun Keseksaan

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 121, 121 A, 121B, 122 dan 123 Kanun Keseksaan, iaitu membuat cubaan untuk mendatangkan kekacauan terhadap Raja, mempunyai niat untuk membunuh atau mendatangkan kecederaan kepada Raja atau mempunyai niat untuk menggujingkan atau meiucutkan hak dan kedaulatan Raja, boleh didakwa dan jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Keseksaan. .

Justeru, Kerajaan mengambil serius terhadap perbuatan oleh mana-mana pihak yang ingin mencemar atau memperlekehkan Institusi Raja. Ini boleh dilihat apabila tindakan undang-undang telah diambil ke atas individu yang terlibat dalam menghantar komen ke iaman sesawang yang menghina DYMM Sultan Perak.

SOALAN NO: 40

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

TARIKH: 21 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Mohd ~~MEMERITAHUAN PERBAGIAN DAN DEWAN ENAKRY SUMBER MANUSIA~~ menyatakan tentang jawapan Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 17 November 2009 telah menyatakan keadaan Malaysia yang sudah mencapai kadar pengangguran “full employment status” pada sukuan kedua 2009 sebagai 3.6 peratus, nyatakan:-

- (a) jikalau sedemikian, kenapakah kebanjiran pekerja asing sama ada sah atau tanpa izin (PATI) masih berlaku; dan
- (b) sejauh manakah usaha pemindahan teknologi dan ilmu dijalankan untuk mengurangkan kebergantungan sumber manusia negara kita terhadap negara lain.-

PR-1232-L37388

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organization (ILO), sesebuah negara ditakrifkan sebagai mempunyai guna tenaga penuh atau *full employment* jika kadar pengangguran berada pada paras 4.0% atau ke bawah. Apabila kadar pengangguran Malaysia berada pada 3.6%, ini bermakna negara dikira dalam kedudukan guna tenaga penuh.

Jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (9.7% - Mei 2010)¹, United Kingdom (8% - Mac 2010)², Australia (5.2% - Mei 2010)³, dan Jepun (5.1% - April 2010)⁴, kadar pengangguran Malaysia boleh dianggap rendah dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan sentiasa menyedari bahawa keperluan pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara. Pada umumnya kehadiran pekerja asing di negara ini adalah untuk mengisi kekosongan jawatan yang tidak diminati dan diisi oleh pekerja tempatan. Mengikut

Statistik Pekerja Asing Mengikut Warganegara dan Sektor Sehingga 28 Februari 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, terdapat seramai 1,803,167 orang pekerja asing di dalam enam (6) sektor di seluruh negara. Sektor pembuatan dan pembinaan mencatat keperluan tenaga kerja asing tertinggi iaitu seramai 688,744 dalam sektor pembuatan dan diikuti seramai 288,733 dalam sektor pembinaan. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang berusaha untuk menggalakkan golongan luar tenaga buruh yang seramai 6.8 juta (sehingga Mac 2010) iaitu

- i) surirumah,
- ii) pelajar,
- iii) golongan yang tidak berminat bekerja,
- iv) pesara; dan
- v) orang kurang upaya.

untuk memasuki pasaran buruh secara sepenuh masa tau separa masa bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

b) Usaha-usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan untuk memindahkan teknologi dan ilmu ke negara ini. Sebahagian besar daripada pemindahan tersebut melibatkan keperluan di sektor berteknologi tinggi (*high end*). Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing melalui langkah-langkah berikut:

- i. Bagi memperluaskan penggunaan teknologi di semua sektor, Kerajaan sentiasa menggalakkan industri-industri yang berintensif buruh untuk berubah kepada penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi;
- ii. Mewujudkan kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun dalam membangunkan infrastruktur yang kukuh dari segi pengetahuan dalam bidang pembuatan automotif melalui Malaysia Japan Automotive Industries Co-Operation (MAJAICO);
- iii. Penubuhan Japan Malaysia Technology Institute (JMTI) dengan kerjasama teknikal antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun bertujuan melahirkan tenaga kerja

yang berketerampilan dan berpengetahuan dengan menyediakan latihan kemahiran di peringkat tinggi dalam bidang teknologi termaju sejajar dengan keperluan teknologi semasa dalam sektor perindustrian; dan

- iv. Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah kerja secara *Homeworking* dan kerja separa masa (*part time*) bagi kerja-kerja yang boleh dibuat di luar premis pekerjaan atau dibuat secara *part time* oleh *latent workforce* seperti surirumah, ibu tunggal, belia, OKU dan pesara bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing; dan

NO.SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA DATUK ABDRAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]

TARIKH 21 JUN 2010

SOALAN

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan awam yang diletakkan di bawah Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) dan adakah Kerajaan bercadang menyerapkannya secara kontrak atau tetap dalam perkhidmatan awam setelah tempoh perkhidmatan mereka tamat.

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Peluang pekerjaan secara kontrak melalui Skim Perkhidmatan Singkat di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi tempoh sementara dan mengurangkan jumlah pengangguran dalam negara. Ia juga merupakan langkah segera oleh Kerajaan untuk membantu rakyat ekoran kesukaran dan kurangnya peluang pekerjaan dalam tempoh ekonomi yang tidak menentu pada masa itu. Pekerja-pekerja ini dilantik oleh Kementerian-Kementerian dengan kelulusan Kementerian Kewangan berdasarkan prinsip pembelian perkhidmatan atau "**contract for service**", bukannya melalui pelantikan biasa **oleh Pihak Berkuasa Melantik**. Jumlah pekerjaan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak 4,000 iaitu bagi tempoh selama dua tahun dan akan berakhir pada 31 Disember 2010. **Setakat ini, Kerajaan** tidak bercadang **untuk menyerap terus** pekerja-pekerja ini secara tetap atau pun melanjutkan tempoh kontrak mereka melebihi daripada tempoh sedia ada. Sebaliknya, mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian perlu memohon jawatan tetap yang diiklankan oleh Pihak Berkuasa Melantik seperti mana calon-calon lain.

Sekian. Terima kasih.

No: 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DARIPADA DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
 : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
 (KULIM BANDAR BARU)

PERTANYAAN LISAN
 21.06.2010

TARIKH 42

SOALAN NO

Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- a) Apakah rasional Kerajaan memberikan lesen untuk kegiatan pertaruhan bola sepak Piala Dunia 2010; dan
- b) Adakah Kerajaan menyedari pertaruhan tersebut adalah suatu kegiatan judi yang haram di sisi syara' dan berapakah hasil yang dijangka diperoleh oleh Kerajaan dan apakah Kerajaan akan membangunkan sukan negara menggunakan hasil judi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

SOALAN NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

TARIKH : 21 JUN 2010

SOALAN :

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan Malaysia tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Dato' Seri Sarny Vellu yang dituduh menyeleweng wang pelaburan masyarakat India miskin dalam Maika Holdings dan MIED oleh pelbagai pihak tetapi tindakan diambil terhadap kakitangan-kakitangan berpangkat rendah dalam kes ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan oleh YB Batu Kawan. Siasatan yang diperoleh hanya mendapati bahawa berlaku kesalahan oleh CEO *Maju Institute of Educational Development* (MIED) di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan. Beliau telah pun dituduh di Mahkamah pada 11 Mei 2010 atas 3 pertuduhan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
PERTANYAAN RAKYAT LISAN
DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM
TARIKH JAWAPAN [BERUAS]
DI DEWAN RAKYAT 21 JUN 2010 (ISNIN)
SOALAN NO.
SOALAN 44

Minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan masih akan meneruskan rancangan mengambil alih pengurusan air daripada Kerajaan Negeri terutamanya di Negeri Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menegaskan sekali lagi di Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak pernah berhasrat untuk mengambil alih mana-mana pengurusan air di negeri-negeri termasuk di negeri Perak. Dalam proses penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan, pendekatan yang digunakan adalah untuk melaksanakan konsep aset ringan (*asset light*) di mana Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) hanya akan mengambil alih liabiliti air dan aset yang bersangkutan sahaja. Manakala pengurusan dan operasi air masih terletak di bawah pemegang saham masing-masing. Dalam hal negeri Perak, pengurusan dan operasi Lembaga Air Perak masih lagi di bawah kawalan kerajaan negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi penstrukturian semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Perak, pada masa ini Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sedang dalam proses rundingan penyediaan perjanjian - perjanjian yang berkaitan dengan pengambilalihan liabiliti air dan aset bersangkutannya kepada PAAB. Dengan pemindahan tersebut kerajaan negeri akan dilepaskan daripada bebanan hutang dan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Lembaga Air Perak pula hanya perlu menumpukan kepada kerja-kerja O&M sahaja. Pembiayaan Capex akan diletakkan di bawah tanggungjawab PAAB. Kerajaan yakin bahawa pendekatan ini akan dapat meningkatkan lagi kecekapan operasi Lembaga Air Perak yang akhirnya adalah untuk manfaat rakyat di seluruh negeri Perak.

SOALAN (45)

TARIKH DARIPADA SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) PERNIAGAAN PERTAMA
PERMINTAAN PERMENAWI PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah dasar-dasar menambah baik
pengurusan harta tanah bertingkat strata supaya menjamin kesejahteraan penghuni
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
pertama dan usahamati dan apakah langkah-langkah untuk memastikan
pembayaran yuran 21 JUN 2010 (ISNIN) perkhidmatan dibuat oleh
pemegang petak.

JAWAPAN

Y.B. TUAN CHOW KON
YEOW (TANJONG)

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara
dasar-dasar yang telah dan sedang diambil Kerajaan di dalam menambah baik
pengurusan harta tanah bertingkat strata adalah seperti berikut:

- i. Kementerian sedang mengkaji cadangan pengeluaran hak milik strata serentak dengan penyerahan milik kosong bertujuan memastikan pemilik petak memperolehi hak milik strata dan Perbadanan Pengurusan (MC) dapat ditubuhkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- ii. Pihak Kementerian juga sedang mengkaji semula bagi tujuan penambahbaikan kepada Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] supaya perlaksanaan Akta ini boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

iii. Kerajaan juga dalam pembentangan RMK-10 pada 10 Jun 2010 memperuntukkan RM500 juta melalui Tabung Penyenggaraan Perumahan bagi kerja pembaikan besar dan penyenggaraan bangunan berstrata bagi rumah kos rendah awam dan swasta. Dana ini adalah berasaskan kepada geran sepadan yang separuh daripadanya perlu disumbang oleh penghuni rumah menerusi Badan Pengurusan.

Berhubung dengan pembayaran caj penyenggaraan oleh pemilik petak, Akta 663 telah memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa tempatan (PBT) selaku pelaksana Akta tersebut untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 34, Akta 663 ke atas penghuni yang gagal menjelaskan yuran penyenggaraan. Mana-mana orang yang gagal atau enggan membayar caj penyenggaraan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan juga boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2010

SOALAN NO: 46

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA,
PENGGALKETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB. DATO' SERI NIZAR BIN JAMALUDIN [BUKIT GANTANG]

TARIKH 21 JUN 2010 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Seri Nizar bin Jamaludin (Bukit Gantang) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah peratus orang Islam yang menyempurnakan solat 5 kali sehari semalam di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini belum ada kajian yang dibuat secara serius dan terperinci atau pengumpulan maklumat lengkap mengenai peratusan umat Islam yang menyempurnakan solat lima kali sehari

semalam di negara ini. Walau bagaimanapun, JAKIM dari semasa ke semasa memberi penjelasan dan maklumat mengenai solat dari segi hukum dan memberi galakan kepada umat Islam untuk solat berjemaah di masjid. Program-program pengimaranan masjid yang sedang dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan umat Islam solat berjemaah di masjid.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM

23

NO. AUP

**H
I**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAP
LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

21 JUN 2010

TARIKH

2730

RUJUKAN

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI
DALAM NEGERI

menyatakan

- (a) sejauh manakah pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (SIM) digunakan sepenuhnya; dan
- (b) nyatakan jumlah nilai kontrak bagi syarikat pembekal dan syarikat penyelenggaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembangunan semula sistem aplikasi Jabatan Imigresen Malaysia berdasarkan platform tunggal atau Sistem Imigresen Malaysia (SIM) tidak dapat disempurnakan sepenuhnya walaupun tempoh kontrak selama 2 tahun dengan lanjutan selama 6 bulan. Kerajaan telah mengambil tindakan dengan menamatkan kontrak tersebut pada 31 April 2009.

NO. SOALAN: & '

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 21 JUN 2010

SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Minta PERDANA MENTERI menyatakan status perbicaraan kes demonstrasi kepala lembu yang berlaku di Shah Alam pada tahun 2009 lalu.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kes ini telah ditetapkan untuk Bicara di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 12 April 2010. Walaubagaimanapun, kes tidak dapat dijalankan pada tarikh tersebut memandangkan salah seorang daripada Orang Kena Tuduh tidak hadir ke Mahkamah kerana telah ditahan oleh pihak polis bagi suatu kesalahan yang lain. Mahkamah telah mengeluarkan Perintah Mengemukakan Tahanan dan menetapkan tarikh Sebutan yang lain iaitu pada 16 April 2010.

Pada 16 April 2010, kesemua Orang Kena Tuduh telah hadir di Mahkamah dan pertuduhan telah dibacakan. Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah dan perbicaraan telah ditetapkan pada 26 Julai 2010 hingga 30 Julai 2010.

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH 21 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Wong Ho Leng (Sibu) minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa bayaran royalti petroleum kepada negeri Sarawak masih kekal pada tahap 5% sejak tahun 1970-an dan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang mengkaji perkara ini.

JAWAPAN :

Perkara mengenai bayaran hasil petroleum kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan- kerajaan negeri antara lain, terkandung dalam perjanjian *Production Sharing Contract* (PSC) yang ditandatangani di antara PETRONAS dan rakan PSC (seperti Shell, Exxonmobil, dsb.). Sebarang langkah untuk meminda kadar bayaran hasil petroleum tersebut perlu dirundingkan semula antara PETRONAS dan rakan-rakan PSC berkenaan. Secara amnya, kenaikan dalam bayaran hasil petroleum berkenaan akan menjelaskan pulangan kepada negara dan rakan PSC, lebih-lebih lagi dalam suasana yang semakin mancabar berikutan kenaikan kos bahan binaan, kedudukan medan baru minyak dan gas yang terletak dilaut dalam, bersaiz kecil, berselerak serta mempunyai kandungan karbon dioksida (CO_2) yang tinggi. Pulangan yang semakin kecil akibat kenaikan kos serta bayaran hasil petroleum yang semakin bertambah

akan menjas minat syarikat-syarikat minyak untuk meneroka dan membangun lapangan minyak dan gas yang baru.

Sekiranya bayaran hasil petroleum ini dinaikkan, adalah dikhuatiri, syarikat-syarikat berkenaan akan hilang kepercayaan terhadap negara ini. Keadaan ini akan mempengaruhi syarikat asing lain untuk melabur di Malaysia memandangkan tindakan syarikat minyak asing berkenaan akan menjadi penanda aras kepada iklim pelaburan

di negara ini. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak ada cadangan untuk mengkaji emula kadar bayaran hasil petroleum kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan.

DARIPADA

Y.B. Dr.Mujahid Bin Haji Yusof Rawa
[Parit Buntar]

TARIKH

21 JUN 2010

SOALAN

Dr.Mujahid Bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]
minta PERDANA MENTERI menyatakan panel khas jawatankuasa antara agama yang diwar-warkan baru-baru ini, apakah statusnya hari ini.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Sejak awal tahun 2005, Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah Majlis Perpaduan Negara telah mewujudkan satu jawatankuasa di bawahnya di mana beberapa pemimpin pelbagai pertubuhan (NGO) agama bersama-sama dengan ketua-ketua dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dapat berdialog secara sistematik dan tersusun supaya mencapai persefahaman dan keharmonian antara para penganut pelbagai agama.

Wakil-wakil agama terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari ACCIN dan MCCBCHST. ACCIN ialah *Allied Coordinating Committee for Islamic NGOs* yang merangkumi 17 NGO Islam termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). MCCBCHST ialah *Malaysian Consultative Committee for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism*.

Dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Hajah Ilani binti Isahak, jawatankuasa ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Perhubungan Antara Penganut Agama telah menganjurkan beberapa pertemuan dan dialog, di samping mengadakan mesyuaratnya secara tertutup. Lanjutan daripada perubahan sosio-politik pada tahun 2008 dan 2009, jawatankuasa ini tertangguh selepas pertengahan tahun 2009.

Selepas beberapa kejadian yang melibatkan gereja, masjid dan gurdwara pada bulan Januari 2010, Jemaah Menteri memutuskan untuk melantik Y.Bhg Datuk Ilani sebagai Penyelaras Khas untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin agama, secara berasingan dan secara bersama, dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.

Hasil daripada proses perbincangan ini yang melibatkan wakil-wakil dari ACCIN dan MCCBCHST, satu cadangan telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya ditubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama. Jawatankuasa ini yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada pertengahan bulan Mac 2010

NO. SOALAN: 50

PERTANYAAN LISAN

merupakan mekanisme semata-mata untuk berdialog dan berunding. Ia bukanlah sebuah suruhanjaya dan tidak mempunyai sebarang kuasa dan fungsi perundangan atau eksekutif.

Apabila jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pertamanya pada awal bulan April secara tertutup, satu media elektronik telah melaporkannya sebagai Suruhanjaya Antara Agama atau *Inter-faith Commission* yang pernah dicadangkan pada beberapa tahun dahulu, tetapi telah ditolak sebab ianya dianggap tidak sesuai.

Akibat daripada laporan media ini, maka timbulah banyak pandangan yang berbeza-beza dalam media massa. Walaupun begitu, hampir semua pihak bersetuju bahawa dialog antara pemimpin-pemimpin agama memang wajar digalak dan diadakan. Sebenarnya, IKIM sendiri pernah menganjurkan dialog-dialog sedemikian, manakala Malaysia telah giat mengambil bahagian dalam dialog antara agama di peringkat antarabangsa, misalnya rombongan rasmi Malaysia yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah telah menyertai Dialog Kepercayaan yang dianjurkan oleh Non-Aligned Movement (NAM) di Manila pada bulan Mac tahun ini.

Oleh itu, perbincangan sedang diadakan untuk mencari persefahaman mengenai nama dan struktur yang sesuai untuk tujuan menggalakkan dan mengadakan dialog antara para pemimpin agama. Di samping itu, adalah perlu untuk memastikan bahawa apa juga mekanisme yang diwujudkan hendaklah berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan dapat diterima umum.

Soalan No.:51

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 21 JUN 2010

SOALAN

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendirian Jabatan Islam Kemajuan Malaysia (JAKIM) dalam keputusan Kerajaan mewujudkan lesen judi bagi sukan bola sepak di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa amalan judi adalah jelas diharamkan oleh Allah SWT dan umat Islam ditegah daripada terlibat dengan apa juga bentuk amalan perjudian. Semua ajaran agama juga menolak amalan berjudi kerana ia merupakan amalan tidak baik yang akan mengundang pelbagai kesan negatif dan mudharat yang berterusan kepada individu, masyarakat dan negara. Oleh itu, JAKIM sebagai agensi agama Islam di peringkat Persekutuan menyokong tindakan Kerajaan untuk tidak mengeluarkan lesen judi bola sepak Piala Dunia 2010.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 49

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
 [KUALA LANGAT]

TARIKH 21 JUN 2010

RUJUKAN 2731

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan terhadap majikan yang mengajikan pekerja asing tanpa izin dan adakah hukuman tersebut telah dikuatkuasakan dan di senarai hitamkan terhadap syarikat yang terbabit.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat

di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut Akta Imigresen 1959/63 - Seksyen 55B, seseorang yang mengajikan orang yang tidak memiliki Pas yang sah telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen ini.

Seseorang majikan yang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen ini boleh dikenakan hukuman seperti berikut:-

- i. Bagi majikan yang mengajikan KURANG dari lima (5) orang PATI, hukuman yang dikenakan adalah denda yang tidak kurang daripada RM 10,000 tetapi tidak melebihi RM 50,000 ATAU dipenjara bagi tempoh tidak lebih dari 12 bulan ATAU kedua-duanya bagi TIAP seorang yang diambil bekerja.
- ii. Bagi majikan yang mengajikan LEBIH dari lima (5) orang PATI, hukuman yang dikenakan adalah denda yang tidak kurang daripada RM 10,000 tetapi tidak melebihi RM 50,000 ATAU penjara bagi tempoh TIDAK KURANG dari enam (6) bulan tetapi TIDAK LEBIH dari lima (5) tahun DAN dikenakan hukuman sebat TIDAK LEBIH dari 6 sebatan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009, seramai 900 majikan telah dikenakan hukuman kompaun di bawah Seksyen 55(B) dan

juga disenaraihitamkan dari mengambil pekerja warga negara asing. Sementara itu, pekerja-pekerja asing yang telah dijatuhkan hukuman adalah seramai 949 orang. Bagi hukuman sebat setakat ini, hanya satu (1) kes di mana majikan telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara dan sebat di Melaka pada tahun 2007.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN
TALIB [LANGKAWI]

TARIKH 21 JUN 2010

SOALAN 57

Dato' Paduka Abu Bakar bin Talib [Langkawi] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) Berapa banyakkah kemalangan berlaku pada tahun 2009 yang melibatkan kenderaan awam. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemandu dan syarikat yang terlibat; dan
- (b) Adakah Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan menghadkan kelajuan semua kenderaan awam dengan kerjasama Puspakom.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kemalangan yang melibatkan kenderaan awam pada tahun 2009 adalah sebanyak 18,049 kes. Daripada jumlah ini sebanyak 8,669 kes melibatkan teksi dan 9,380 kes melibatkan pelbagai kategori bas. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah mengambil tindakan ke atas 4 syarikat

bas yang terlibat dengan kemalangan maut pada tahun 2009 yang mana 2 daripadanya telah digantung lesen selama sebulan, 1 syarikat telah dibatalkan lesen dan 1 syarikat telah diberi amaran.

Sebagai langkah untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang kenderaan awam khususnya bas ekspres, Kerajaan telah mewajibkan pelaksanaan kod amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (*Safety, Health and Environment - SHE*) dengan meletakkan tanggungjawab keselamatan bas ekspres dan penumpangnya ke atas pengusaha-pengusaha bas tersebut. Kod SHE ini mengkehendaki pihak pengusaha bas ekspres menggubal garis panduan dan tatacara bagi melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kawalan melalui 4 komponen seperti berikut:

- (i) pengurusan pemandu;
- (ii) pengurusan perjalanan kenderaan;
- (iii) pengurusan risiko; dan
- (iv) pengurusan dokumen.

Pengurusan yang cekap ke atas 4 komponen tersebut diharapkan akan dapat membantu meningkatkan lagi disiplin pemandu, mengawal pemanduan dan perjalanan kenderaan serta memantapkan pengurusan dan pentadbiran syarikat termasuk dari segi sistem pelaporan insiden kemalangan dan sebagainya. Langkah-langkah yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan awam.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang mengkaji kesesuaian pemasangan alat menghad kelajuan bagi kenderaan awam khususnya bas ekspres. Pada masa ini, pihak LPKP telah mewajibkan pemasangan *Global Positioning System (GPS)* ke atas permohonan baru dan permohonan ganti kenderaan bas ekspres. Kajian terperinci perlu dibuat ke atas alat menghad kelajuan memandangkan terdapat pelbagai teknologi di pasaran termasuklah kesesuaian untuk diintegrasikan dengan GPS serta model bas-bas yang

terlibat. Seterusnya, pelaksanaan pemasangan alat ini juga melibatkan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkaitan termasuklah PUSPAKOM bagi memastikan cara-cara pemasangannya mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

PERTANYAAN : **PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA : **YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]**

TARIKH : **21 Jun 2010**

SOALAN

PR-1232-L38961

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah keselamatan setiap pesawat penerbangan tambang murah seperti AirAsia, Jetstar, Tiger Air dan lain- lain yang beroperasi di LCCT atau berlepas dari LCCT diaudit secara berterusan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sebagaimana kesemua pesawat penerbangan antarabangsa termasuk MAS yang bernaung di bawah IATA diaudit secara berterusan oleh IATA Operational Safety Audit (I.O.SA). Jika ada, apakah prosedur auditing dan berapa kerapkah pesawat penerbangan tambang murah ini diaudit oleh DCA.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN : 55

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Dato' Seri Ong Ka Chuan(TANJONG MALIM)

TARIKH

21 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN : Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana keberkesanan kos dalam pelaksanaan inisiatif penggunaan sistem perisian terbuka (Open Source Software - OSS) dalam Sektor Awam. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan inisiatif ini dalam Rancangan Malaysia ke-10.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Inisiatif *Open Source Software* (OSS) mula dilaksanakan di Sektor Awam sejak tahun 2004. Dalam tempoh enam tahun, sebanyak RM45 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan modal insan, fasiliti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan produk dan promosi. Pada tahun 2009, satu kajian *Benefit Realization Report* (BRR) telah dijalankan oleh pihak ketiga. Hasil kajian *BRR* menunjukkan pelaksanaan Inisiatif OSS Sektor Awam telah mencapai penjimatan sebanyak RM 188.39 juta. Berbanding dengan kos RM45 juta yang telah dibelanjakan, ianya merupakan pulangan balik pelaburan (ROI) sebanyak 4 kali ganda dalam tempoh masa 6 tahun.

Selain daripada itu, pelaksanaan inisiatif OSS juga telah meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam dan kemahiran teknikal pegawai ICT Kerajaan, mempercepatkan pembangunan ekonomi berdasarkan ilmu atau *Knowledge-based Economy (K-Economy)* dan memantapkan pertumbuhan industri ICT tempatan.

Inisiatif ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-10 kerana penjimatan kos dapat diteruskan dan aliran matawang keluar dapat dikurangkan. Selain daripada itu, inisiatif ini juga bertujuan untuk memantapkan lagi pembangunan sumber manusia ke arah *K-Economy* dan pertumbuhan industri ICT tempatan ke arah perniagaan berdasarkan perkhidmatan (*service industry*) supaya ekonomi dan masyarakat Malaysia dapat bergerak ke rangkaian nilai yang lebih tinggi (*higher value chain*).

NO. SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN**

WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]

TARIKH **21 JUN 2010**

SOALAN

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah (Kota Bharu) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 55

**cadangan Konvensyen Usahawan Melayu 2010 supaya MARA diletakkan
di bawah Jabatan Perdana Menteri.**

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum akan cadangan konvensyen berkenaan. Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan tersebut dengan sebaik-baiknya. Sekiranya dilihat wajar tindakan tersebut maka tindakan akan diambil seperti yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)
TARIKH	21.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]

minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah pengenalan sistem pilihan raya bagi pemilihan ketua murid dan pengawas di peringkat sekolah menengah dihentikan, walhal ianya penting sebagai satu bentuk pendidikan jati diri yang baik bagi melahirkan warganegara yang peka kepada nilai-nilai demokrasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan bahawa pelaksanaan sistem pilihanraya bagi pemilihan ketua murid dan pengawas di peringkat sekolah adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan atau didedahkan kepada murid- murid sekolah. Sehubungan itu, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 3/2010 bertarikh 10 Februari 2010 telah memutuskan supaya pelaksanaan sistem pilihanraya bagi pemilihan Ketua Murid di sekolah-sekolah dihentikan dan semua Pengetua dan Guru Besar diberi kuasa untuk melantik Ketua Murid di sekolah masing-masing.

KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2010 Pelaksanaan Sistem Pilihanraya Ketua Murid di Sekolah-sekolah bertarikh 12 Februari 2010 bagi menerangkan maksud tersebut.

Rjm 38

No:58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 21.06.2010
SOALAN NO 58

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai pendapatan dan cukai kastam yang dibayar oleh penduduk-penduduk atau syarikat-syarikat dari negeri Perak kepada Kerajaan Persekutuan dan jumlah peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek yang dilaksanakan di Negeri Perak bagi tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai langsung yang dipungut bagi tempoh 2007 hingga 2009 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan cukai tidak langsung yang dipungut oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di negeri Perak adalah sebanyak RM6,434 juta. Bagi tahun 2010, jumlah kutipan sehingga bulan April 2010 adalah sebanyak RM769 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek yang dilaksanakan di negeri Perak adalah sebanyak RM6,533 juta manakala bagi tempoh sehingga bulan April 2010, adalah sebanyak RM1,115juta. Pecahan mengikut tahun adalah :

Tahun	Cukai Langsung (RM juta)	Cukai Langsung (RM juta)	Tidak (RM juta)	Jumlah	Peruntukan Pembangunan (RM juta)
2007	1,307		530	1,837	1,997
2008	1,654		671	2,325	2,423
2009	1,659		613	2,272	2,113
2010*	585		184	769	1,115

* sehingga bulan April 2C 110

2. Di samping perbelanjaan Pembangunan, negeri Perak turut menerima Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh yang sama di bawah perbelanjaan Mengurus sebanyak RM926.5 juta. Bagi tempoh sehingga bulan Mei 2010, sebanyak RM171.0 juta telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Pecahan mengikut tahun adalah :

JENIS PEMBERIAN	TAHUN			
	RM 2007	RM 2008	RM 2009	RM 2010*
Pemberian Mengikut Bilangan Orang	30,384,266	30,560,836	30,738,642	30,917,692
Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	148,608,624	159,777,229	164,886,665	68,702,775
Pemberian Pertambahan Hasil	20,301,404	22,617,830	21,246,405	
Pemberian Kepada PBT (Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan)	31,497,745	26,497,745	26,497,745	26,497,745
Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	37,214,514	39,838,443	41,079,757	44,912,861
Bayaran Perkhidmatan Bagi Negeri-Negeri	4,065,208	6,019,000	9,856,269	
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur & Kesejahteraan Hidup	21,077,000	21,077,000	21,077,000	
Pemberian Bayaran Bil Lampu Jalan & Lampu Isyarat Pihak-Pihak Berkuastra Tempatan	-	4,933,158	6,677,501	
Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus				
Jumlah	293,148,761	311,321,241	322,059,984	171,031,073

* sehingga 31 Mei 2010

NO. AUM : 65

NO. AUP : ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH 21 JUN 2010

RUJUKAN 2733

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

- (a) bagaimana cara berkesan untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin di negara ini yang semakin meruncing dan mengancam keselamatan negara; dan
- (b) nyatakan bilangan pekerja warga asing yang mempunyai permit dan tanpa permit, serta bagaimana Kementerian memastikan mereka ini pulang kembali ke negara asal selepas tamat tempoh kerja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan berada di negara ini dengan melanggar peruntukan undang-undang negara seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius kehadiran begitu ramai warganegara asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang mungkin dibawa oleh golongan ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya. Kementerian tidak memandang ringan kehadiran PATI di Malaysia. Langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah PATI boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara, seperti berikut:

Sebelum masuk ke negara

- i) memperketatkan kawalan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan

- iii) pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Setelah berada dalam negara

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang- undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis majikan yang menggaji pekerja asing.

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Sehingga 28 Februari 2010, bilangan pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah adalah berjumlah 1,803,260 orang dari pelbagai sektor termasuk pembantu rumah,

pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Walau bagaimanapun Kementerian tidak mempunyai rekod bilangan pekerja asing tanpa pas, memandangkan golongan ini tidak akan mendaftar dengan Jabatan dan juga tidak akan memaklumkan niat mereka untuk bekerja kepada Jabatan. Jabatan Imigresen Malaysia sebagai agensi penguatkuasaan berperanan mengawal selia pergerakan warganegara asing di Malaysia dan adalah menjadi tanggungjawab Jabatan melaksanakan operasi dan tangkapan berkala ke atas pesalah-pesalah yang melanggar Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Semua pesalah yang terbukti melakukan kesalahan adalah tertakluk kepada pendakwaan dan juga pengusiran ke negara asal.

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN YB DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]
TARIKH	21 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dalam membangunkan Negara berdasarkan kekuatan sedia ada sebagai keperluan untuk mentransformasikan ekonomi Negara.

JAWAPAN :

Negara kita telah mencapai kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial sejak merdeka. Walau bagaimanapun, untuk menguatkan lagi daya saing Negara dan meningkatkan produktiviti, kita perlu mentransformasikan ekonomi negara berlandaskan kekuatan yang sedia ada pada kita. Pada umumnya, kekuatan kita bergantung kepada dinamisme sektor swasta, pertumbuhan ekonomi yang diteraju produktiviti, pelbagai pasaran eksport, lebihan imbalan pembayaran dan kecekapan dasarfiskal.

Antara langkah-langkah untuk mentransformasikan ekonomi Negara berdasarkan kekuatan ekonomi yang sedia adalah seperti berikut:

a) *Merancakkan Dinamisme Sektor Swasta*

Kerajaan akan terus membantu merancakkan sektor swasta, terutamanya dalam membangunkan bidang pertumbuhan baru. Dalam tempoh RMKe-10, pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 12.8% setahun. Di samping memastikan bahawa dasar fiskal dan kewangan akan terus menyokong inisiatif swasta, penambahbaikan dalam persekitaran perniagaan kepada pelaburan swasta akan diberi keutamaan, termasuk langkah untuk meliberalisasi lagi ekonomi. Kecekapan sektor awam akan terus diperkuuh melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang antara lain bertujuan menyelaras proses birokrasi dan

mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Pelaksanaan inisiatif kerjasama awam swasta akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi.

b) Mendorong Pertumbuhan Diteraju Produktiviti

Pertumbuhan ekonomi akan diterapi oleh peningkatan produktiviti dan kurang bergantung kepada penggunaan modal dan buruh. Pertumbuhan produktiviti akan dicapai melalui kualiti modal insan, mengguna pakai teknologi baru dan pembangunan keusahawanan bagi mendorong inovasi dan kreativiti. Sehubungan ini, perkongsian kos latihan antara kerajaan dan swasta akan dipergiatkan melalui peluasan liputan Tabung Pembangunan Sumber Manusia bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja.

c) Mempelbagai Pasaran Eksport

Keterbukaan ekonomi Malaysia dan tahap integrasi yang kukuh dengan rantaian bekalan global merupakan sumber utama kepada kekuatan ekonomi Negara. Berdasarkan jumlah dagangan barang dan perkhidmatan melebihi 180% kepada KDNK dalam tempoh RMKe-9, Malaysia perlu mempelbagaikan struktur perdagangan luar untuk meningkatkan daya tahan negara. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional dan menggandakan usaha untuk menembusi pasaran baru terutamanya ke China, India, dan negara-negara Timur Tengah.

Mengekalkan Lebihan Imbangan Pembayaran

Kedudukan akaun luar negara dijangka kekal kukuh dengan keseluruhanimbangan pembayaran dijangka terus mampan dengan lebihan akaun semasa sebanyak 10.5% kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2015. Akaun barang dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM 169.3 billion sementara akaun perkhidmatan dianggar mencatatkan lebihan kepada RM6.8 bilion pada tahun 2015 berbanding RM1.3 bilion pada tahun 2010. Lebihan dalam akaun perkhidmatan ini akan disumbang terutamanya oleh terimaan bersih perjalanan yang lebih tinggi dan peningkatan eksport perkhidmatan seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan penyumberan luar.

d) Mencapai Sasaran Mengikut Sektor

Satu pendekatan utama dalam peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi adalah

mengamalkan strategi berteraskan pengkhususan. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan sumber pertumbuhan baru seperti kesihatan, pendidikan dan ICT yang bergantung kepada inovasi, penggunaan teknologi dan modal insan yang mahir.

Sektor perkhidmatan dijangka kekal menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan, terutamanya dengan pengembangan subsektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta pengangkutan dan komunikasi. Sektor pembuatan pula dijangka mengalami pertumbuhan pesat terutamanya dalam subsektor nilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi dalam sektor elektrik dan elektronik seperti pengeluaran *solar photovoltaic*.

Kesimpulannya, dalam mentransformasikan ekonomi negara, berdasarkan pelaksanaan dasar tersebut di atas, sasaran pertumbuhan 6.0% setahun dalam tempoh RMKe-10 akan disokong pelaburan swasta yang lebih dinamik. Oleh itu, Pendapatan Negara Kasar per kapita dijangka meningkat kepada RM38.845 (AS\$12,139) pada tahun 2015, selaras dengan sasaran untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

SOALAN NO :
61

DARIPADA PE
RT
AN
YA
TARIKH AN

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT,
MALAYSIA**

**YB DR. TAN SENG
GIAW [KEPONG]**

ISNIN, 21 JUN 2010

RUJUKAN 04

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan program-program yang berkesan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya tropika antarabangsa lagi bercahaya pada 2020. Apakah cadangan-cadangan untuk mencapai matlamat ini dalam tempoh 9 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, konsep bandar raya tropika bercahaya adalah menjurus kepada Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya dalam taman yang dihiasi dengan pelbagai jenis lampu pada waktu malam.

Sehubungan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tempoh pencahayaan di kesemua 14 taman awam yang berada di bawah bidang kuasanya, seperti Taman Tasik Perdana, Taman Metropolitan Kepong, Taman Tasik Manjalara dan Taman Tasik

SOALAN NO : 61

Titiwangsa dari puku **PEMBERITAHUAN PERTAMA** hari.
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DBKL juga memasang lampu hiasan di kawasan-kawasan tertentu seperti di Jalan Masjid India dan Jalan Petaling secara bermusim mengikut sambutan perayaan seperti Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Di samping itu, DBKL juga mencahayakan kawasan-kawasan di Jalan Raja Laut dan Jalan Bukit Bintang dengan lampu-lampu hiasan pada setiap malam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) DBKL ialah memastikan setiap lampu jalan dan lampu taman sentiasa berfungsi pada waktu yang telah ditetapkan.

Justeru, DBKL kini sedang merancang untuk menambah dan mempertingkatkan lagi pencahayaan di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur.